


Mengingati Peristiwa Penting Sejarah Islam Dibulan Syawal

Bulan Syawal

Bulan Syawal merupakan bulan ke-10 dalam takwim Hijrah. Pada 1 Syawal, umat Islam merayakan Hari Raya Aidilfitri sebagai perayaan setelah menjalani ibadah puasa pada bulan sebelumnya iaitu bulan Ramadhan. Hari Raya Aidilfitri ialah pemberian Allah SWT kepada hamba-Nya. Bulan ini dikatakan sebagai bulan yang istimewa untuk umat Islam.



Terdapat beberapa peristiwa bersejarah yang berlaku pada bulan ini. Sejarah-sejarah yang berlaku pada bulan Syawal ini sangat penting untuk diketahui oleh kita selaku umat baginda Nabi Muhammad SAW, selain daripada kita mengingati kembali kisah-kisah luar biasa perihal cubaan dan ujian yang menghalangi dakwah Rasulullah SAW, kita juga dapat mengambil hikmah dan pelajaran dari sejarah tersebut.




Sejarah Bulan Syawal

Di antara sejarah yang berlaku pada bulan Syawal ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu peperangan, pernikahan, dan sejarah lahirnya ulama di mana hal ini menjadi sandungan dalam ujian kepada dakwah baginda Rasulullah SAW.

Sejarah yang kedua merupakan beberapa catatan baginda Nabi Muhammad S.A.W yang melangsungkan akad nikah di bulan Syawal, kerana inilah tidak hairan bulan ini sinonim bagi masyarakat kita dikenali dengan istilah “bulan nikah”. Dan sejarah yang ketiga ini merupakan peristiwa kelahiran dan wafatnya ulama-ulama tersohor pada bulan ini.



Perang Badar terjadi disebabkan rasa dendam orang-orang Quraisy kepada kaum muslimin kerana terbunuhnya saudara-saudara mereka pada saat terjadinya perang Badar. Pimpinan mereka mengajak rakyatnya untuk menuntut bela atas kekalahan. Selain itu, juga sebagai bentuk pemulihan kehormatan kepada masyarakat Arab setelah mereka dipaksa mundur dengan kekalahan dalam perang Badar.



Perang Uhud

Dalam perang ini, pasukan umat Islam terdiri dari 1000 orang yang dipimpin oleh Rasulullah SAW dengan disertai dua tentera berkuda, dan 100 pasukan mengenakan baju besi. Nabi juga mengutus tiga panglimanya, iaitu Mus'ab bin 'Umair, Usaid bin Hudhair, dan Hubab bin Munzir.

Sedangkan pasukan dari kalangan arab Quraisy terdiri dari 3000 orang yang dipimpin oleh Abu Sufyan, dengan disertai 100 orang tentera berkuda dan 700 orang pasukan mengenakan baju besi. Kesudahannya dalam peperangan ini pihak kaum Quraisy berhasil meraih kemenangan dan dapat memukul mundur umat Islam.



PASUKAN berkuda Quraisy merampas tanah tinggi sebaik sahaja tentera pemanah Muslim berundur.




Perang Khandaq (Parit)

Ia berlaku mulai bulan Syawal hinggalah awal bulan Zulkaedah tahun kelima Hijrah. Perang Khandaq ataupun dikenali sebagai Perang Ahzab menjadi pertempuran terbesar dalam bulan Syawal.

Graf kebesarannya dapat dilihat apabila setiap kali bulan Syawal, umat Islam yang bertakbir pasti akan menyebut kalimah 'wahazamal ahzaba wahdah' (dan ALLAH hancurkan tentera-tentera Ahzab dengan keesaan-NYA).




KAWASAN berlakunya Perang Khandaq atau Ahzab di Madinah.




Perang Khandaq (Parit)

Bayangkan, tentera kafir dan Yahudi mengepung Rasulullah SAW dan para sahabat. Untuk mempertahankan Madinah, Rasulullah SAW dan kaum Muslimin menggali parit. Ia merupakan cadangan yang dikemukakan oleh Salman al-Farisi iaitu sahabat Rasulullah SAW dari Iran.

Jumlah tentera kafir ketika itu 10,000 orang berbanding 3,000 tentera Islam. Namun, saat tentera Islam hampir tewas, datang ribut yang kencang dengan angin dingin yang menyejukkan hingga masuk ke dalam sumsum tulang tentera kafir. Waktu itu, mereka lari bertempiaran. ALLAH SWT turunkan 'tentera-tentera-NYA' yang tidak dapat dilihat.



PETA diagram Perang Khandaq atau Ahzab yang mana parit digali di kawasan utara dan barat laut.



Perang Hunain

Perang Hunain berlaku pada bulan Syawal tahun 8 Hijrah di lembah Hunain, iaitu sebuah lembah yang menjadi penghubung antara kota Mekah dan Thaif. Perang Hunain merupakan pertempuran yang terjadi antara pasukan Islam dengan Suku Hawazin dan Tsaqif. Disebut dengan “Perang Hunain” kerana pertempuran ini berada di Lembah Hunain yang terletak tidak jauh dari Thaif.


Pada pertempuran ini pasukan Islam dipimpin langsung oleh Nabi Muhammad SAW dengan membawa 12,000 pasukan. Dari 12,000 pasukan tersebut, 10,000 di antaranya berasal dari Madinah dan 2000 pasukan dari Mekah. Sedangkan Suku Hawazin dipimpin oleh Malik bin Auf an-Nashri dengan membawa 4000 pasukan. Suku Hawazin ini juga berhasil mendapat dukungan dari berbagai kabilah seperti Bani Jutsyam, Bani Sa’ad bin Bakr, dan Auza dari Bani Hilal.



Perang Thaif

Perang Thaif berlaku pada bulan Syawal tahun 8 Hijrah, setelah meletusnya perang Hunain. Dalam perang ini, pasukan kaum muslimin mengejar sisa-sisa pasukan Quraisy yang melarikan diri dari perang Hunain, yang bersembunyi di dalam benteng kota yang kukuh, sehingga umat Islam tidak dapat menembus benteng.

Melihat keadaan tersebut, akhirnya Rasulullah SAW mengubah taktik penyerangan, dengan menyekat seluruh kawasan di wilayah Thaif. Pada akhirnya penduduk Thaif menyerah dan menyatakan keinginannya untuk bergabung dengan pasukan Islam.



Pernikahan Rasulullah S.A.W

Aisyah salah seorang isteri Rasulullah SAW yang faqih, alim, cerdas dan banyak meriwayatkan hadith daripada Rasulullah SAW iaitu sebanyak 1210 hadith. Beliau juga merupakan tempat rujukan para sahabat RA yang besar dalam soalan berkaitan agama seperti fiqh, faraidh dan perkara-perkara yang berkaitan dengan amalan Rasulullah SAW ketika berada di dalam rumah.


Ummu Salamah pula banyak memberikan pandangannya yang bijak kepada Rasulullah SAW (Seperti dalam peristiwa Hudaibiyah). Ummu Salamah meriwayatkan sebanyak 387 Hadis (Terdapat 3 Hadis disepakati bersama al-Bukhari dan 10 Hadis bersama Muslim). Hadis yang diriwayatkannya mengenai bimbingan dan pendidikan untuk kaum wanita.



Lahir dan Wafatnya Imam Bukhari


Salah seorang ulama tersohor yang tidak asing dalam dunia Islam adalah Imam Bukhari. Ia memiliki sumbangan yang sangat banyak dalam bidang ilmu pengetahuan, khususnya dalam ilmu hadits. Hadis baginda Nabi yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari tidak hanya berjumlah ratusan, namun mencapai ribuan, sepertimana yang tertulis dalam salah satu karyanya, iaitu Sahih Bukhari.

Peristiwa Imam Bukhari yang menjadi catatan sejarah pada bulan Syawal adalah hari kelahiran dan wafatnya. Ia dilahirkan pada hari Jumaat tanggal 13 bulan Syawal pada tahun 194 Hijrah di kota Bukhara, Uzbekistan. Ia juga wafat pada bulan Syawal, iaitu malam 1 Syawal (malam hari raya Aidil Fitri), kemudian dimakamkan (dikebumikan) pada hari raya tanggal 1 Syawal.



Demikian enam peristiwa sejarah penting yang berlaku pada bulan Syawal dari masa ke masa.

Semoga ianya dapat menjadi inspirasi dan pemangkin semangat bagi kita untuk terus meneladani perjuangan baginda Nabi Muhammad S.A.W.



Sumber

<https://siplus.sinarharian.com.my/gaya-hidup/gayahidup/peristiwa-penting-dalam-bulan-syawal/>

